

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]
TARIKH : 18.3.2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 56

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan keciciran di kalangan pelajar sekolah menengah, dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk membantu mereka terus belajar sehingga tingkatan lima.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat memandang serius keciciran di kalangan pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Oleh itu, KPM telah mewujudkan satu inisiatif khusus iaitu Peningkatan Akses daripada Peringkat Prasekolah hingga Menengah Atas yang bertujuan menangani masalah keciciran di sekolah. Inisiatif ini terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Beberapa faktor yang dikenal pasti mengakibatkan murid tercicir daripada sekolah menengah di KPM iaitu kemiskinan, sikap murid yang tidak berminat untuk bersekolah, sakit, masalah sosial, sikap ibu bapa dan termasuklah masalah pembelajaran. Bagi membendung masalah ini, KPM menyediakan pelbagai bantuan seperti pemberian buku teks secara percuma, Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Program Susu Sekolah, dan pembinaan asrama sekolah supaya semua kanak-kanak dapat kekal bersekolah.

SOALAN NO: 56

Bantuan lain yang turut diberikan adalah bantuan yuran khas sekolah, bayaran tambahan persekolahan, bantuan awal persekolahan, bantuan Kumpulan Wang Amanah Murid Miskin (KWAMP), pakaian seragam badan uniform, makanan asrama dan kenderaan asrama. Malah KPM juga menyediakan biasiswa kepada murid daripada golongan berpendapatan rendah yang cemerlang iaitu Biasiswa Kecil Persekutuan.

Sebagai tindakan terkini, KPM juga telah menyediakan satu garis panduan bagi membantu murid-murid yang berisiko untuk cicir agar mereka kekal bersekolah sehingga tamat tingkatan 5 iaitu Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC). GPMBC ini telah dikuatkuasakan ke semua Sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan mulai bulan Jun 2018. Objektif GPMBC ini adalah untuk membantu pihak sekolah mengenal pasti murid berisiko cicir serta mengurus murid berisiko cicir secara berkesan dan sistematik. Selain itu GPMBC ini juga mempunyai objektif bagi memastikan pemantauan murid khususnya murid berisiko cicir dapat dibuat oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah secara berterusan.

Selain itu, Modul Intervensi Murid Berisiko Cicir Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) telah disediakan sebagai panduan melaksanakan intervensi dalam menangani keciciran murid. Di samping itu, lawatan ke rumah murid juga merupakan kaedah yang dilaksanakan oleh guru bimbingan dan kaunseling bersama-sama guru lain bagi memastikan murid hadir ke sekolah dan kekal dalam sistem persekolahan dalam usaha meningkatkan disiplin dan pembangunan diri murid. Bagi menangani keciciran murid usaha ini digiatkan lagi bagi mengenal pasti punca keciciran murid.

Sekian, terima kasih

RJM 35